



Deklarasi Yangon

Kenyataan Belia ASEAN

(Diluluskan oleh AYF 2014 di Yangon, Myanmar)

Satu komuniti! Satu strategi! Belia untuk perpaduan!

Kami, anak muda ASEAN, bercita-cita untuk mempromosikan pembangunan tanpa diskriminasi, kesamarataan, keamanan, perlindungan, kelestarian, pembangunan inklusif komuniti ASEAN yang sejajar dengan prinsip dan nilai hak asasi manusia, demokrasi, keadilan dan kebebasan dalam semua aspek kehidupan.

Kami, anak muda ASEAN, menuntut untuk membentuk sebuah komuniti serantau yang inklusif, berpandukan hak-hak asasi, meletakkan masyarakat pada pusat pembangunan dan didorong oleh golongan belia.

Kami, anak muda ASEAN, menuntut tindakan afirmatif daripada pemimpin-pemimpin di negara-negara ASEAN untuk mewujudkan persekitaranan di peringkat serantau, nasional, dan juga tempatan yang mampu memenuhi isu-isu keperluan, aspirasi belia dan membolehkan para pemuda dan pemudi untuk mematuhi dan mengamalkan agenda pembangunan pasca 2015 (Post 2015 Development Agenda) bagi rantau ini.

Bagi mencapai visi ini, kami menuntut:

- 1 Pengiktirafan penuh ASEAN Youth Forum (AYF) sebagai gerakan serantau yang berasaskan belia, dan bersifat autonomi serta bebas untuk mewakili suara belia di Asia Tenggara untuk memantau dan menilaikan perlaksanaan dasar, agenda dan cadangan yang berkaitan dengan golongan belia.
2. Fasilitasi dan integrasi pendekatan yang inklusif, boleh diakses, tanpa diskriminasi, berdasarkan keperluan, berdasarkan bukti, berpusat pada hak asasi manusia untuk pendidikan formal dan non-formal;
3. Pembaharuan segera dan pemansuhan dasar & undang-undang yang tidak mmendiskriminasi dan mengkriminalisasi golongan belia yang berdasarkan pandangan politik, status, SOGIE (Sexual Orientation, Gender Identity and Expression), agama, status ekonomi social; dan
4. Penyertaan yang bermakna bagi belia dalam semua sector dengan penekanan yang diberikan kepada remaja gadis, LGBTIQ (orang muda dengan pelbagai orientasi seksual, identiti jantina dan ekspresi jantina), golongan kurang upaya, orang asli, masyarakat minoriti dari segi etnik dan bahasa, migran, orang tanpa kewarganegaraan, golongan miskin, golongan wanita, gadis hamil, kanak-kanak, masyarakat yang hidup dalam konteks perang dan kemanusiaan, pekerja seks, penyakit HIV dan AIDS, remaja yang tercicir dari sekolah, pengguna dadah dan pengungsi dalaman; dengan perundingan demokratik yang tulen,



peruntukan dana yang mencukupi dan penyediaan sumber lain serta perlindungan terhadap hak kebebasan untuk bersuara

5. Mengambil tindakan segera menangani dan berkerjasama dengan belia mengenai isu-isu berikut:

Peranan belia dan impak keamanan dan perdamaian

- Mewujudkan dan menyokong dialog damai dengan kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan;
- Mengimplementasikan pendidikan kedamaian dalam kurikulum dan projek kedaiman alternatif yang berfokus pada golongan belia.
- Sediakan ruang yang selamat bagi belia untuk mendapat penglibatan yang bermakna dalam usaha membina perdamaian seperti dialog antara agama dan pertukaran budaya antara masyarakat, nasional dan serantau khususnya dengan masyarakat di kawasan konflik.
- Memberi perlindungan kepada belia yang kehidupannya terjejas oleh konflik.

Pemerintahan yang baik, demokrasi dan kebebasan bersuara:

- Membaharui dan memperkuatkan institusi pemerintahan belia dan dasar belia yang sedia ada untuk memastikan penyertaan belia yang bermakna dalam semua peringkat perlaksanaan dasar;
- Mengkaji dan memansuhkan semua undang-undang dan polisi yang bertentangan dengan prinsip asas demokrasi dan hak asasi belia untuk mempromosikan pilihan raya yang bebas, adil dan damai, kebebasan dan ketelusan media, akses kepada maklumat; dan
- Memperkasakan institusi serantau yang sedia ada untuk memastikan promosi dan perlindungan hak-hak belia di ASEAN, menerima dan menyokong piagam belia serantau.

Memastikan Pekerjaan dan Kehidupan yang Layak untuk Belia Asia Tenggara:

- Melaksanakan, memantau dan menilai dasar pekerjaan nasional yang telus, mesra belia, berdasarkan hak dan bukti yang menghasilkan pekerjaan yang layak untuk belia ASEAN dan mematuhi standard Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), yang stabil, selamat, aman, tanpa diskriminasi, dan memberi upah dan peluang yang baik untuk pengembangan kerjaya;



- Utamakan penciptaan pekerjaan dan tenaga kerja yang mahir dengan peningkatan pelaburan termasuk dari sektor swasta melalui program-program yang memupuk keusahawanan belia dan memberikan peluang magang sambil meningkatkan kemampuan belia melalui latihan, melanjutkan pendidikan profesional, menggunakan pendekatan formal dan bukan formal, pekerjaan kaunseling, menawarkan perlindungan sosial, bimbingan dan perkongsian kepakaran supaya belia ASEAN dapat memperoleh maklumat dan kemahiran yang diperlukan untuk mengakses peluang pekerjaan yang lebih baik;
- Membina dan meningkatkan motivasi golongan belia. Ia boleh membantu mewujudkan persekitaraan yang membolehkan golongan belia untuk menyertai semua peringkat dalam proses membuat keputusan bagi menjamin kehidupan dan masa depan mereka.
- Memastikan akses yang berperikemanusiaan dan setara kepada pekerjaan yang baik, bebas dari diskriminasi, menghormati diversiti, dan mempromosikan pembangunan manusia untuk semua belia, termasuk belia yang rentan dan juga pekerja asing . ASEAN juga harus menghapuskan diskriminasi jantina di semua sector dan peringkat tenaga kerja; dan
- Melaksanakan dan menguatkuaskan dasar yang megenalpasti dan menangani diskriminasi terhadap belia di pasaran buruh.

Pendidikan berlualiti kepada semua anak muda di rantau Asia Tenggara

- Mengenal dan mengembangkan kerangka kerja yang relevan dan standard, program pendidikan berdasarkan hak (formal, tidak formal) yang dirancang untuk belia. Kualiti staf akademik, infrastruktur, pengajaran, bahan pembelajaran dan segala kemudahan yang diperlukan mestilah dijamin;
- Memperuntukkan dan mengagihkan dana dengan betul untuk memastikan pendidikan yang berkualiti dan tidak diskriminatif yang memberi tumpuan kepada pemberdayaan dan peningkatan keupayaan orang muda; dan
- Pembentukan polisi serantau yang memberi mandat untuk pendidikan percuma, mudah diakses dan tersedia untuk semua.

Memperkasakan Kesihatan dan Hak Seksual & Reprouktif Golongan Belia (jantina, seksualiti, akses kepada kesihatan, dan pendidikan seksual yang komprehensif):



- Menyediakan sepenuhnya akses mesra remaja untuk perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seksual kepada sesiapa sahaja di rantau ini termasuk semua belia LGBTIQ , belia dari golongan pekerja asing, belia tanpa kewarganegaraan, pekerja seks belia – lelaki, wanita, transgender, transeksual; dan
- Memberi maklumat dan pendidikan berdasarkan hak seksualiti yang komprehensif untuk semua orang muda. Strategi pengajaran mesti dibezakan dan menjadikan fleksibel untuk memenuhi keperluan yang berbeza dalam golongan wanita dan pelajar lelaki, dengan mengambil kira hakikat bahawa orang berkeperluan khas - seperti muda orang yang tidak bersekolah atau wanita muda yang sudah berkahwin - harus diajar mengenai seksualiti melalui kaedah selain daripada pendidikan formal.

Golongan belia dalam migrasi: Menjamin keselamatan, kebebasan, dan hak mereka (perdagangan, pelarian, tanpa kewarganegaraan, dan pekerja asing):

- Melaksanakan kurikulum formal dan Pendidikan yang memberi penekanan kepada sejarah, hak asasi manusia, penhijrahan dan penghayatan budaya;
- Memastikan askes penuh kepada belia dari golongan pekerja asing di semua peringkat pendidikan formal, dan juga yang tidak formal;
- Membagunkan dan melaksanakan dasar-dasar yang mempromosi dan melindungi hak dan kebebasan belia daripada golongan pekerja asing terutamanya belia yang tidak berdokumen, tanpa kewarganegaraan, dan sedang mencari suaka; dan
- Segera mengesahkan konvensyen buruh dan hak asasi manusia antarabangsa yang secara langsung mempengaruhi golongan belia dalam migrasi.

Mengaktifkan dan memelihara persekitaran serantau (kemampuan untuk membuat keputusan sendiri, pemeliharaan kearifan tempatan, dan budaya orang asli):

- Memudahkan dan menyokong program hijau yang diasaskan oleh belia yang bertujuan untuk menangani masalah persekitaran tempatan dan transnasional;
- Mengakui dan menegakkan keadilan alam sekitar sebagai perlakuan yang adil dan peluang bagi orang muda untuk mempunyai penglibatan yang bermakna sehubungan dengan pengembangan, pelaksanaan, dan penguatkuasaan undang-undang, peraturan dan dasar alam sekitar untuk memastikan persekitaran yang sihat untuk belajar, hidup dan bekerja;
- Memastikan ketelusan, akauntabiliti dan hak untuk mengakses maklumat mengenai rancangan pembangunan tempatan, serantau dan transnasional;



- Melibatkan golongan belia dalam semua bentuk perundingan dan proses membuat keputusan untuk memastikan persekitaran yang lestari dan sihat; dan
- Meningkatkan kesediaan anak muda untuk menghadapi risiko bencana.

Kami, anak muda ASEAN, mesti bebas mengakses dan membentuk ruang tempatan, nasional dan serantau untuk memimpin, menuntut hak kita, dan komuniti ASEAN yang berpusatkan rakyat.

Hak belia adalah Hak Asasi Manusia!

Universiti Yangon, Yangon, Myanmar